



SIARAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 2022 DILULUSKAN OLEH DEWAN NEGARA

Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 yang lulus di Dewan Negara semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas hari ini, membuktikan komitmen jitu kerajaan dalam memastikan kawasan hutan yang merupakan khazanah dan ekosistem penting kepelbagaian biologi negara diberikan perlindungan sewajarnya. Sebelum ini, RUU tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 Julai 2022 lalu.

Sehubungan itu, saya berharap **Kerajaan-kerajaan Negeri dapat terus memberikan sokongan kepada RUU ini dengan menerima pakai keseluruhan RUU sebagai Enakmen Perhutanan (Pemakaian) di negeri masing-masing.** Ia sekaligus mencerminkan kesungguhan kita sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dalam memelihara dan melindungi hutan. Tindakan segera dan proaktif yang diambil Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap pengurusan hutan secara berkekalan di negara ini.

Usaha untuk menambahbaik Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah dimulakan sejak tahun 2009 iaitu selama 13 tahun dan pindaan ke atas Akta 313 kali ini merupakan pindaan kali kedua selepas pindaan kali pertama dibuat pada tahun 1993.

Secara amnya, pindaan ke atas Akta 313 kali ini bertujuan:

- i. mengawal proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpanan kekal (HSK);
- ii. memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran;
- iii. meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar;
- iv. mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas; dan
- v. menambah baik jadual-jadual dalam akta bagi memantapkan pengurusan dan penguatkuasaan perhutanan.

Secara prinsipnya KeTSA tidak mengalakkan pengeluaran atau penyahwartaan mana-mana kawasan tanah daripada HSK. Ia bertujuan memastikan kelangsungan fungsi HSK dalam menjamin kestabilan alam sekitar, membekalkan sumber makanan, jaminan bekalan air bersih, bekalan oksigen serta menyimpan stok karbon yang penting dalam mengimbangi perubahan iklim dunia.

Dalam keadaan tertentu, sekiranya sesuatu kawasan tanah perlu juga untuk dikeluarkan daripada HSK bagi tujuan yang diperlukan untuk kegunaan ekonomi yang lebih tinggi, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah menjalankan penyiasatan awam (*public inquiry*) mengikut kaedah-kaedah sebagaimana ditetapkan.

Selaras itu, KeTSA melalui **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Penyiasatan Awam Bagi Pengeluaran Kawasan Tanah Daripada HSK di Semenanjung Malaysia**. SOP ini menggariskan kaedah dan proses-proses yang terlibat dalam penyiasatan awam bagi pengeluaran kawasan tanah daripada HSK di Semenanjung Malaysia.

SOP yang dibangunkan akan dibentangkan untuk kelulusan Majlis Tanah Negara yang akan datang dan penyiasatan awam yang dilaksanakan kelak diharap akan memberikan imej yang positif kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya dan kepada negara amnya di mana pewartaan keluar kawasan tanah HSK yang dibuat adalah pilihan terakhir setelah *due-diligence* dilaksanakan Kerajaan Negeri.

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

8 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

